

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-36
(Karya Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali)
Kuliah Maghrib kali ke- 120
Surau An-Nur, Sungai Nyior, Trong, Perak

TAJUK : Bahaya berdebat dan hal-hal yang terjadi daripadanya, tentang kerosakan budi.

Ketahuiilah dan yakinlah bahawa perdebatan yang diadakan dengan tujuan mencari kemenangan, menundukkan lawan, melahirkan kelebihan dan kemuliaan diri, membesarkan mulut di muka orang banyak, ingin kemegahan dan kebebasan, serta ingin menarik perhatian orang, adalah sumber segala budi yang tercela pada Allah dan terpuji pada Iblis musuh Allah.

Sebagaimana orang yang disuruh memilih antara minuman yang memabukkan dan perkara-perkara keji yang lain, lalu dianggapnya minuman itu lebih enteng, maka minumlah dia. Lalu oleh minuman itu diajaknya ketika sedang mabuk kepada perbuatan-perbuatan keji yang lain.

Maka demikian pulalah orang yang didesak oleh keinginan menjatuhkan orang lain, memperoleh kemenangan dalam perdebatan, kemegahan dan keangkuhan, mengajaknya kepada bermacam-macam sifat keji yang tersembunyi di dalam jiwanya.

Sekarang kami tunjukkan keseluruhan sifat-sifat jahat yang ditimbulkan oleh munadharah (perdebatan) itu.

DENGKI

Seseorang pendebat tidak terlepas daripada sifat dengki, kerana sesekali dia menang, sesekali dia kalah. Sesekali kata-katanya dipuji orang dan sesekali kata-kata lawannya dipuji orang. Dengki ialah api yang membakar.

TAKBUR

“Barangsiapa takbur nescaya direndahkan Allah, dan barangsiapa merendahkan diri nescaya ditinggikan Allah.” (Al-Khatib dengan isnad sahih)

Selalulah orang berdebat itu menyombong terhadap teman dan kawannya, ingin lebih tinggi daripada yang wajar.

Kadang-kadang si bodoh dan si keras kepada dari mereka mengemukakan alasan bahawa maksudnya dengan perdebatan itu memelihara kemuliaan ilmu dan bahawa orang mukmin itu dilarang menghinakan diri.

DENDAM

Hampir seluruh orang yang suka berdebat tidak terlepas daripada sifat pendendam. Bahkan jika timbul dari lawannya sedikit sahaja yang menyebabkan kurang perhatian kepada perkataannya, maka tertanamlah dalam dadanya sifat pendendam itu yang payah hilang sampai bercerai badan.

MENGUMPAT

Sifat mengumpat itu diserupakan oleh Allah dengan memakan bangkai. Maka sentiasalah orang yang berdebat itu memakan bangkai kerana dia tidak dapat melepaskan diri dari menceriterakan lawannya dan

mencacinya. Paling tinggi, dipeliharanya kebenaran dalam ceriteranya dan tidak membohong.

Maka diceriterakannya sudah pasti keadaan-keadaan yang menunjukkan kekurangan lawan, kelemahan dan kurang kelebihannya. Dan itulah mengumpat namanya.

Begitu pula tidak sanggup dia menjaga lidahnya dari membentangkan hal keadaan orang yang menentang perbuatannya dan memperhatikan perkataan lawannya dan menerimanya. Sehingga orang itu disebutnya bodoh, dungu, kurang faham dan bebal.

MEMBERSIHKAN DIRI (MENGANGKAT DIRI SENDIRI)

“Janganlah kamu membersihkan dirimu (mengangkat diri). Dialah (Allah) Yang Maha Mengetahui siapa yang bertaqwa.” (An-Najm : 32)

Tidak terlepas si pendebat itu memuji dirinya dengan kekuatan, kemenangan dan kelebihan daripada teman-temannya. Sentiasa ia mengatakan ketika berdebat : *“Saya bukan orang yang tidak mengerti dalam segala hal ini. Saya mengetahui bermacam-macam ilmu, berfaham sendiri tentang pokok-pokok agama dan menghafal banyak hadith.”* Dan lain-lain perkataan yang timbul dari orang-orang yang memuji diri.

Sebagai dimaklumi bahawa memuji diri sendiri, baik ada ataupun tidak ada yang disebutkan itu, adalah tercela sepanjang agama dan akal fikiran yang sihat.

MENGINTIP

“Janganlah kamu mengintip-ngintip.” (Al-Hujurat : 12)

Si pendebat itu sentiasa mencari kesilapan teman dan kekurangan lawannya. Sehingga apabila datang seorang pendebat lain ke tempatnya, lalu dicarinya orang yang dapat menerangkan rahsia hidup pendebat yang datang itu. Ditanyainya keburukan-keburukannya untuk menjadi bahan yang akan disiarkan dan ditonjolkan nanti apabila keadaan memerlukan.

Penyelidikan itu sampai kepada keadaan hidup si pendebat yang datang itu semasa kecil dan kekurangan-kekurangan yang ada pada badannya.

Kemudian apabila dirasanya perlu, lalu dibentangkannya jika ada hubungannya dengan perdebatan. Hal itu dipandangnya baik untuk memperoleh sebab-sebab kemenangan. Dan tidak menjadi halangan, menerangkan hal tersebut dengan diselang-selangi penghinaan dan pengejekan, sepertimana biasa dilakukan oleh pendebat-pendebat terkemuka yang terhitung tokoh-tokoh penting.

GEMBIRA DENGAN KESUSAHAN LAWAN DAN SUSAH HATI DENGAN KEGEMBIRAAN LAWAN

Orang yang tidak menyukai pada saudaranya seagama apa yang disukainya pada dirinya sendiri, maka adalah dia jauh daripada budi pekerti orang mu'min.

Maka sebagaimana seorang wanita yang dimadukan apabila melihat dari jauh saingannya, lalu gementarlah sendi-sendinya dan pucatlah mukanya. Maka demikian pula halnya dengan orang yang berdebat itu, apabila melihat lawannya lalu berubahlah warna mukanya dan

kacaulah fikirannya, seolah-olah dia melihat syaitan yang menggoda atau binatang buasa yang menerpa.

Maka di manakah sayang-menyayangi dan cinta-mencintai itu, yang berlaku pada alim ulama ketika berjumpa?

Dari itu aku tidak mengerti, bagaimana (seseorang itu) mendakwakan diri mengikut Mazhab Syafi'i oleh segolongan manusia, di mana ilmu pengetahuan itu di antara mereka telah menjadi alat permusuhan yang memutuskan silaturrahim?

NIFAQ (SIFAT ORANG MUNAFIK)

Orang-orang beredbat itu memerlukan kepada sifat nifaq, kerana apabila bertemu dengan lawan, pencinta-pencinta lawan dan golongan lawan, maka tidak ada jalan lain selain dari melahirkan kata persahabatan dengan lisan, kata kasih sayang dan memuji-muji kedudukan dan keadaan lawan.

Hal itu disedari oleh si pembicara dan yang dihadapkan pembicaraan itu kepadanya, bahkan oleh seluruh yang mendengar bahawa itu bohong, dusta, nifaq dan zalim.

SOMBONG

Menyombong, menolak kebenaran dan bersungguh-sungguh menentangnya. Sehingga dapat dikatakan bahawa yang amat dimarahi oleh seorang pendebat ialah lahirnya kebenaran dari lisan lawannya. Maka bagaimana pun kebenaran itu sudah terang ibarat matahari waktu siang, mahu juga ditentang dan dilawannya dengan segala usaha

dan kemungkinan yang ada, baik dengan penipuan, pengkhianatan dan kebusukan hati

Berdebat menghadapi yang batil itu harus (mesti dengan hati-hati. Nabi saw berseru supaya meninggalkan perdebatan mengenai hal yang benar melawan yang batil.

“Barangsiapa meninggalkan perdebatan sedang dia di pihak yang batil, maka dibangun Allah baginya sebuah rumah dalam perkampungan syurga. Dan barangsiapa meninggalkan perdebatan sedang dia di pihak yang benar, maka dibangun Allah baginya sebuah rumah dalam syurga tinggi.” (Turmizi, Ibnu Majah)

“Siapakah yang lebih besar kesalahannya daripada orang-orang yang mengada-adakan kedustaan tentang Allah, atau mendustakan kebenaran tatkala datang kepadanya?” (Al-Ankabut : 68)

“Siapakah yang lebih besar kesalahannya daripada orang yang berbuat kedustaan tentang Allah dan orang yang mendustakan kebenaran ketika datang kepadanya?” (Az-Zumar : 32)

RIYA’

Ingin memperlihatkan amalannya kepada orang banyak, berusaha menarik hati dan pandangan mereka kepadanya.

Riya’ ialah penyakit batin yang amat berbahaya, dapat menjerumuskan ke dalam dosa besar, sebagaimana akan dibentangkan nanti pada Kitab Riya’.

Seseorang pendebat tidaklah bermaksud kecuali namanya muncul di muka umum, lidah orang ramai lancar memujinya.

Inilah sepuluh perkara dari induk kekejian batin, selain dari yang timbul secara kebetulan dari orang-orang di luar pendebat itu sendiri, yang merupakan permusuhan yang mengakibatkan pemukulan, penempelengan, pengoyakan kain, penarikan janggut, pemakian ibu bapa, pengumpatan guru dan tuduhan-tuduhan yang tegas menyakitkan hati.

